



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN PINJAMAN SABAH
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2013**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN PINJAMAN SABAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Perbadanan Pinjaman Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Pemegang Syer serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Tubuh No. 6 tahun 1984. Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang

benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.


Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Pinjaman Sabah pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.



(ZAABA BIN ZAINUDDIN)
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KOTA KINABALU
03 JUN 2014



PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

PENYATA AHLI PERBADANAN

PENGERUSI YB DATUK LINDA TSEN THAU LIN (dilantik pada 1 Januari 2011)

TIMBALAN PENGERUSI DATUK MOHAMAD BIN JAFRY (dilantik pada 1 Januari 2011)

AHLI EX-OFFICIO DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR (dilantik pada 1 Januari 2011)
ENCIK MULUK SAMAD (dilantik pada 1 Januari 2011)
DATUK M. C. ISMAIL SALAM (dilantik pada 1 Januari 2011)
DATUK OSMAN JAMAL (dilantik pada 1 Januari 2011)

AHLI ENCIK MARZUKI HJ. SPAWI, JP (dilantik pada 1 Januari 2011)
ENCIK ZAMANI HJ. BASRI (dilantik pada 1 Januari 2011)
DATUK PETER ATHANASIUS (dilantik pada 1 Januari 2011)
IR. SHAHELMAY BIN YAHYA (dilantik pada 1 Januari 2011)
ENCIK RASKAN ASING (dilantik pada 1 Januari 2011)

**KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF/AHLI** DATUK VINCENT PUNG YEE KIONG

ALAMAT WISMA PERBADANAN PINJAMAN SABAH,
PEKAN BARU DONGGONGON,
PENAMPANG,
88805 KOTA KINABALU, SABAH.

BANK AMBANK BERHAD
ALLIANCE BANK BERHAD
CIMB BANK BERHAD
MALAYAN BANKING BERHAD
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
HSBC BANK MALAYSIA BERHAD
STANDARD CHARTERED BANK MALAYSIA BERHAD
PUBLIC BANK BERHAD
AMISLAMIC BANK BERHAD
ALLIANCE ISLAMIC BANK BERHAD
PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD
MAYBANK ISLAMIC BANK BERHAD

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

PENYATA AHLI PERBADANAN

Pada pendapat kami, penyata kewangan pada muka surat 4 hingga 36 telah disediakan berdasarkan peruntukan-peruntukan Ordinan Perbadanan Pinjaman, 1955 seperti dipinda dan menurut piawaian perakaunan yang diiktiraf di Malaysia untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Perbadanan Pinjaman Negeri Sabah pada **31 Disember 2013** dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

DITANDATANGANI BAGI PIHAK PERBADANAN,

YB Datuk Linda Tsen Thau Lin
Pengerusi

Datuk Vincent Pung Yee Kiong
Ahli

Tarikh: **29.3.2014**

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

SURAT SUMPAH PEGAWAI KEWANGAN

Saya, **YEUNG KIN SING**, pengurus yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**, dengan tulus ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 4 hingga 36 , adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Diisyiharkan dan diikrarkan oleh

Penama di atas **YEUNG KIN SING** di Kota

Kinabalu di dalam Negeri Sabah

pada **31 MAR 2014**



Yeung Kin Sing

Di hadapan saya,



Lot 47, First Floor
Block G, Donggongon Square
Bandar Donggongon
89507 Penampang, Sabah

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2013

| ASET | Nota | Kumpulan | | Perbadanan | |
|--|------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| | | 2013 RM | 2012 RM | 2013 RM | 2012 RM |
| ASET BUKAN SEMASA | | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 5 | 43,828,607 | 45,350,680 | 43,828,607 | 45,350,680 |
| Pelaburan dalam entiti kawalan bersama | 6 | 11,779,721 | 10,192,116 | 8,123,199 | 8,123,199 |
| | | 55,608,328 | 55,542,796 | 51,951,806 | 53,473,879 |
| ASET SEMASA | | | | | |
| Pelbagai penerimaan | 7 | 936,159 | 17,248,471 | 936,159 | 17,248,471 |
| Pelaburan | 8 | 73,975,132 | 27,423,736 | 73,975,132 | 27,423,736 |
| Deposit | 9 | 19,086,114 | 2,355,518 | 19,086,114 | 2,355,518 |
| Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain pinjaman | 10 | 2,000,363,151 | 1,544,994,288 | 2,000,363,151 | 1,544,994,288 |
| Wang tunai dan baki di bank | | 29,383,354 | 11,604,468 | 29,383,354 | 11,604,468 |
| Aset cukai semasa | | 1,957,989 | 2,543,405 | 1,957,989 | 2,543,405 |
| | | 2,125,701,899 | 1,606,169,886 | 2,125,701,899 | 1,606,169,886 |
| JUMLAH ASET | | 2,181,310,227 | 1,661,712,682 | 2,177,653,705 | 1,659,643,765 |
| LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG SYER | | | | | |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | | | |
| Peminjaman | 11 | 1,752,416,265 | 1,262,626,959 | 1,752,416,265 | 1,262,626,959 |
| LIABILITI SEMASA | | | | | |
| Pelbagai belum bayar dan akruan | 12 | 45,784,319 | 57,912,195 | 45,784,319 | 57,912,195 |
| Liabiliti cukai semasa | | - | - | - | - |
| JUMLAH LIABILITI | | 1,798,200,584 | 1,320,539,154 | 1,798,200,584 | 1,320,539,154 |
| Modal syer | 13 | 182,000,000 | 165,000,000 | 182,000,000 | 165,000,000 |
| Dana rizab tidak boleh diagihkan | 14 | 553,432 | 461,432 | 553,432 | 461,432 |
| Dana terkumpul | 15 | 200,556,211 | 175,712,096 | 196,899,689 | 173,643,179 |
| JUMLAH EKUITI PEMEGANG SYER | | 383,109,643 | 341,173,528 | 379,453,121 | 339,104,611 |
| JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG SYER | | 2,181,310,227 | 1,661,712,682 | 2,177,653,705 | 1,659,643,765 |

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

| | Nota | Kumpulan 2013 RM | Kumpulan 2012 RM | Perbadanan 2013 RM | Perbadanan 2012 RM |
|---|------|------------------------|------------------------|--------------------------|--------------------------|
| Pendapatan faedah | 16 | 156,835,682 | 133,540,028 | 156,835,682 | 133,540,028 |
| Perbelanjaan faedah | 17 | (57,405,987) | (51,601,580) | (57,405,987) | (51,601,580) |
| PENDAPATAN FAEDAH BERSIH | | 99,429,695 | 81,938,448 | 99,429,695 | 81,938,448 |
| Pendapatan bukan faedah | 18 | 26,140,461 | 18,194,280 | 26,140,461 | 18,194,280 |
| Perbelanjaan bukan faedah | 19 | (18,486,765) | (10,598,261) | (18,486,765) | (10,598,261) |
| JUMLAH PENDAPATAN BERSIH | | 107,083,391 | 89,534,467 | 107,083,391 | 89,534,467 |
| Perbelanjaan operasi | 20 | (40,235,073) | (33,816,239) | (40,235,073) | (33,816,239) |
| Bahagian keuntungan dari entiti kawalan bersama | | 1,954,691 | 690,692 | - | - |
| LEBIHAN SEBELUM CUKAI | | 68,803,009 | 56,408,920 | 66,848,318 | 55,718,228 |
| Perbelanjaan cukai | | | | | |
| - Perbadanan | 21 | (24,526,517) | (13,210,826) | (24,526,517) | (13,210,826) |
| - Entiti kawalan bersama | | (181,770) | - | - | - |
| LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN | | 44,094,722 | 43,198,094 | 42,321,801 | 42,507,402 |

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI PEMEGANG SYER BAGI TAHUN 31 DISEMBER 2013

Kumpulan

| | Modal Syer RM | Dana Rizab tidak boleh diagihkan RM | Dana Terkumpul RM | Jumlah RM |
|--|---------------------|---|-------------------------|--------------------|
| 2013 | | | | |
| PADA 1 JANUARI 2013 | 165,000,000 | 461,432 | 175,712,096 | 341,173,528 |
| Pelarasan bagi tahun lepas (Nota 22) | - | - | (158,608) | (158,608) |
| PADA 1 JANUARI 2013 DINYATAKAN SEMULA | 165,000,000 | 461,432 | 175,553,488 | 341,014,920 |
| Diterbit pada tahun semasa | 17,000,000 | - | - | 17,000,000 |
| Lebihan bersih bagi tahun kewangan | - | | 44,094,722 | 44,094,722 |
| Pindaan ke dana rizab | - | 91,999 | (91,999) | - |
| Dividen (Nota 23) | - | - | (19,000,000) | (19,000,000) |
| PADA 31 DISEMBER 2013 | 182,000,000 | 553,431 | 200,556,211 | 383,109,642 |
| 2012 | | | | |
| PADA 1 JANUARI 2012 | 150,000,000 | 361,001 | 153,614,433 | 303,975,434 |
| Diterbit pada tahun semasa | 15,000,000 | - | - | 15,000,000 |
| Lebihan bersih bagi tahun Kewangan (Nota 22) | - | - | 43,198,094 | 43,198,094 |
| Pindaan ke dana rizab | - | 100,431 | (100,431) | - |
| Dividen (Nota 23) | - | - | (21,000,000) | (21,000,000) |
| PADA 31 DISEMBER 2012 | 165,000,000 | 461,432 | 175,712,096 | 341,173,528 |

Perbadanan

| | Modal Syer RM | Dana Rizab tidak boleh diagihkan RM | Dana Terkumpul RM | Jumlah RM |
|--|---------------------|---|-------------------------|--------------------|
| 2013 | | | | |
| PADA 1 JANUARI 2013 | 165,000,000 | 461,432 | 173,643,179 | 339,104,611 |
| Pelarasan bagi tahun lepas (Nota 22) | - | - | 26,709 | 26,709 |
| PADA 1 JANUARI 2013 DINYATAKAN SEMULA | 165,000,000 | 461,432 | 173,669,888 | 339,131,320 |
| Diterbit pada tahun semasa | 17,000,000 | - | - | 17,000,000 |
| Lebihan bersih bagi tahun kewangan | - | - | 42,321,801 | 42,321,801 |
| Pindaan ke dana rizab | - | 91,999 | (91,999) | - |
| Dividen (Nota 23) | - | - | (19,000,000) | (19,000,000) |
| PADA 31 DISEMBER 2013 | 182,000,000 | 553,431 | 196,899,690 | 379,453,121 |
| 2012 | | | | |
| PADA 1 JANUARI 2012 | 150,000,000 | 361,001 | 152,236,208 | 302,597,209 |
| Diterbit pada tahun semasa | 15,000,000 | - | - | 15,000,000 |
| Lebihan bersih bagi tahun kewangan | - | - | 42,507,402 | 42,507,402 |
| Pindaan ke dana rizab | - | 100,431 | (100,431) | - |
| Dividen (Nota 23) | - | - | (21,000,000) | (21,000,000) |
| PADA 31 DISEMBER 2012 | 165,000,000 | 461,432 | 173,643,179 | 339,104,611 |

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

| | 2013 RM | 2012 RM |
|--|---------------|---------------|
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI | | |
| Lebihan sebelum cukai | 66,848,318 | 55,718,228 |
| <i>Pelarasan bagi:</i> | | |
| Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan | 4,488,883 | 3,712,984 |
| Elaun hutang rugu bagi pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain pinjaman | 18,426,765 | 10,593,261 |
| Hutang lapuk dan pembiayaan dihapuskira | (8,857,545) | (14,298,158) |
| Faedah tergantung | 5,891,813 | 3,775,107 |
| Untung dari penjualan harta tanah, loji dan peralatan | (39,869) | (82,728) |
| Untung dari penjualan harta tanah dihalang tebus | (215,771) | (108,098) |
| Elaun kemerosotan masuk kira semula berhubung pengurangan nilai dalam pelaburan sekuriti | (110,124) | (73,427) |
| Pendapatan dividen | (230,080) | (216,694) |
| LEBIHAN OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA | 86,202,390 | 59,020,475 |
| <i>Perubahan modal kerja:</i> | | |
| Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain pinjaman | (470,829,121) | (192,781,971) |
| Pelbagai penerimaan | 14,981,084 | (14,070,264) |
| Pelbagai belum bayar dan akruan | (12,041,864) | 2,699,831 |
| TUNAI DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI OPERASI | (381,687,511) | (145,131,929) |
| Bayaran cukai | (23,001,516) | (15,155,245) |
| TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN) DALAM AKTIVITI OPERASI | (404,689,027) | (160,287,174) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Pembelian aset tetap | (2,968,585) | (6,123,595) |
| Pembelian sekuriti pelaburan | (46,336,868) | (23,815,747) |
| Pelaburan dalam Dana Amanah | (104,404) | (100,431) |
| Dividen diterima daripada pelaburan sekuriti | 230,080 | 216,694 |
| Perolehan daripada penjualan harta tanah, loji dan peralatan | 41,980 | 135,575 |
| Perolehan daripada penjualan harta tanah dihalang tebus | 547,000 | 139,448 |
| TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN) DALAM AKTIVITI PELABURAN | (48,590,797) | (29,548,056) |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Perolehan daripada penerbitan saham | 17,000,000 | 15,000,000 |
| Pengeluaran/(bayaran balik) peminjaman bersih | 493,023,537 | (40,385,509) |
| Dividen dibayar | (19,000,000) | (21,000,000) |
| TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN)/DIPEROLEHI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | 491,023,537 | (46,385,509) |

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

| | 2013 RM | 2012 RM |
|---|-------------------|-------------------|
| (Kurangan)/ Lebihan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | 37,743,713 | (236,220,739) |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun | 10,049,052 | 246,269,791 |
| TUNAI DAN TUNAI KESETARAAN PADA AKHIR TAHUN | 47,792,765 | 10,049,052 |
| <i>Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:-</i> | 2013 RM | 2012 RM |
| Tunai dan baki dalam bank | 29,383,354 | 11,604,468 |
| Overdraf bank | (676,703) | (3,910,934) |
| Deposit | 19,086,114 | 2,355,518 |
| | 47,792,765 | 10,049,052 |

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. MAKLUMAT AM

Perbadanan Pinjaman Negeri Sabah ditubuhkan pada 15 Jun 1955 dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955 yang telah dimansuhkan dan dikanunkan semula dengan Enakmen Perbadanan Pinjaman Sabah No. 22 Tahun 1981.

Kewajiban Perbadanan adalah memajukan pembangunan ekonomi Negeri Sabah dan mengadakan atau memudahkan pemberian pinjaman kewangan jika perlu dan dikehendaki bagi pertanian, perusahaan, perumahan dan bangunan luarbandar dan bandar, kemudahan-kemudahan awam dan persendirian, dan pengusaha-pengusaha lain seumpamanya, dan untuk menggalakkan pelaburan persendirian di Sabah dengan modal tempatan atau luar.

Pejabat urusan dan perniagaan terletak di Wisma PPS bertempat di Pekan Baru Donggongan, Penampang dan di semua pejabat cawangan yang terdapat di seluruh Negeri Sabah.

Perbadanan telah dipilih oleh Kerajaan Negeri untuk mengurus Pusat Transformasi Sabah. Pusat ini telah memulakan pra-operasinya pada 16 Disember 2013, pelancaran akan diadakan pada 23 Januari 2014 diikuti dengan pembukaan rasmi yang akan diadakan pada bulan Februari 2014.

Tidak terdapat pertukaran-pertukaran yang penting dalam objektif-objektif/aktiviti-aktiviti utama Perbadanan dan aktiviti utama syarikat pada tahun kewangan ini.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Perbadanan terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko mudah tunai dan aliran tunai, yang timbul dari aktiviti perniaganya.

Pada keseluruhannya, matlamat pengurusan risiko kewangan Perbadanan adalah untuk memastikan supaya Perbadanan dapat menjamin nilai pulangan kepada pemegang-pemegang Saham dengan meminimakan kesan-kesan negatif risiko yang mungkin menggugat pencapaian Perbadanan terhadap kedudukan prestasi kewangan dan aliran tunai.

a) Risiko Kadar Faedah

Perbadanan memberi operasinya melalui aliran tunai dari operasi dan pinjaman. Selain daripada pinjaman dari Kerajaan Negeri Sabah, Perbadanan juga mempunyai pinjaman dari bank-bank yang memberi kadar faedah yang berbeza dan tetap. Polisi Perbadanan adalah untuk memperolehi pulangan kadar faedah yang boleh mendatangkan lebihan disamping dapat menampung kos faedah ke atas semua jenis pinjaman.

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

b) **Risiko Kredit**

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan kerana kegagalan pihak peminjam untuk menunaikan obligasi membayar balik pinjaman yang timbul terutamanya daripada aktiviti pemberian pinjaman.

Pendedahan utama kepada risiko kredit timbul melalui pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Jumlah pendedahan kredit diwakili oleh jumlah dibawa asset dalam lembaran imbangan.

Objektif utama pengurusan risiko kredit ialah untuk meminimakan pendedahan Perbadanan kepada risiko kredit mengikut kemampuan dan keupayaan kewangan menampung kerugian kewangan yang mungkin dialami.

Perbadanan telah membentuk dasar kredit yang komprehensif termasuk sistem penggredan kredit dalaman untuk menentukan tahap kemampuan pelanggan dengan menubuhkan Jawatankuasa Penilai Permohonan Pinjaman untuk mentaksir permohonan pinjaman yang memerlukan kelulusan Ahli-Ahli Perbadanan.

c) **Risiko Mudah Tunai**

Risiko mudah tunai berkaitan dengan keupayaan untuk mengekalkan aset mudah tunai yang mencukupi untuk memenuhi komitmen dan obligasi kewangan apabila tiba masa untuk memerlukannya.

Perbadanan mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang berhemat untuk meminimumkan ketidakpadanan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan kerja.

3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut asas akruan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkenaan dan yang diluluskan seperti mana yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan mematuhi peruntukan Enakmen Perbadanan Pinjaman Negeri Sabah No. 22 Tahun 1981.

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

4. DASAR - DASAR PERAKAUNAN UTAMA

(a) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian pengurangan nilai.

Tanah milik pajak dengan masa manfaat tidak terhad dan Kerja dalam proses yang belum sedia untuk penggunaan yang tidak disusut nilaikan. Tanah dengan jangkamasa pajakan melebihi 50 tahun dikelaskan sebagai tanah milik pajak jangka panjang.

Susutnilai

Kaedah garis lurus digunakan untuk menyusutnilaikan kos aset-aset sepanjang jangkaan usia gunanya pada kadar seperti berikut:-

| | |
|-------------------------------|-----------------|
| Tanah milik pajak | 0.11% ke 2.326% |
| Bangunan | 2% - 10% |
| Kenderaan | 20% |
| Perabot dan peralatan pejabat | 20% |
| Peralatan komputer | 20% |

Suatu aset tetap dihentikan pengakuannya pada saat dilepaskan atau tidak ada manfaat ekonomi masa depan yang diharapkan daripada penggunaan atau pelepasannya. Perbezaan antara hasil penjualan bersih, jika ada, dan nilai tercatat bersih yang diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(b) Pengurangan Nilai Aset

Nilai pegangan aset Perbadanan, selain daripada aset kewangan disemak semula pada setiap tarikh lembaran imbangan untuk menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda pengurangan nilai.

Jika tanda-tanda tersebut wujud, jumlah penampungan tersebut akan dianggarkan. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf apabila jumlah penampungan sesuatu aset atau unit penjanaan tunai di mana ia tergolong melebihi amaun boleh pulihnya. Kerugian pengurangan nilai akan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Amaun yang boleh diperolehi semula adalah amaun yang lebih tinggi di antara harga jualan bersih aset dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menaksir nilai dalam kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskon sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset. Bagi aset yang tidak menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya bebas, amaun yang boleh diperolehi semula ditentukan untuk unit penjanaan tunai di mana aset tergolong.

Kerugian pengurangan nilai hanya akan diambilkira semula ke tahap nilai dibawa aset tersebut tidak melebihi nilai dibawa jika tiada kerugian pengurangan nilai dikenalpasti, setelah ditolak susut nilai atau pelunasan, sekiranya tiada kerugian pengurangan nilai dinyatakan. Pembetulan tersebut dinyatakan dalam penyata pendapatan.

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

4. DASAR - DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(c) Asas Penyatuan - entiti kawalan bersama

Kumpulan dianggap sebagai entiti kawalan bersama, perkongsian atau entiti lain di mana terdapat kontrak persetujuan berkongsi kawalan oleh Kumpulan dengan satu atau lebih pihak di mana keputusan kewangan dan operasi strategik berkaitan dengan entiti memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak yang berkongsi kawalan.

Pelaburan dalam entiti dikawal bersama dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai terkumpul. Jika terdapat petunjuk rosotnilai, jumlah dibawa pelaburan dinilai. Penurunan nilai dibuat jika amaun bawaan melebihi amaun boleh pulihnya. Kepentingan Kumpulan dalam entiti dikawal bersama diambilkira dalam Penyata Kewangan yang disatukan melalui kaedah ekuiti perakaunan.

Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian Kumpulan daripada keputusan usahasama dalam Penyata Pendapatan.

(d) Sekuriti Pelaburan

Pelaburan dalam unit amanah dinyatakan pada kos tolak peruntukan bagi sebarang pengurangan nilai kekal.

Pada penyahiktirafan atau pelupusan sesuatu pelaburan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan jumlah dibawa dicaj atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

(e) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Perbadanan telah menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan Aliran Tunai.

Tunai dan kesetaraan tunai meliputi tunai di tangan dan bank, overdraf bank dan deposit tetap dengan kewangan perantaraan sedia ditukarkan kepada tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

4. DASAR - DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(f) Peruntukan Hutang Lapuk and Ragu

Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan dinyatakan pada kos tolak sebarang peruntukan untuk hutang lapuk dan ragu.

Pengistiharan hutang lapuk dan ragu pembiayaan dikira bersesuaian dengan garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM/GP3). Bagi meneruskan konsistensi dengan tahun-tahun yang sebelumnya, pihak Perbadanan telah melaksanakan dasar klasifikasi yang lebih ketat ke atas pembiayaan tidak berbayar. Pembiayaan dikelaskan sebagai pembiayaan tidak berbayar dan kurang lancar apabila tiada pembayaran di terima dalam tempoh 3 bulan dan saat pembayaran yang tertunggak lebih dari 3 bulan dari hari pertama ingkar atau selepas tarikh matang.

Oleh kerana itu, Perbadanan juga telah mengadaptasi asas yang lebih ketat untuk faedah khusus atas pembiayaan tidak berbayar dengan membuat dua puluh peratus (20%) penyisihan khusus atas pembiayaan tidak berbayar bagi tempoh ingkar empat (4) bulan dan kurang daripada tujuh (7) bulan tunggakan. Pengarah berpandangan bahawa kaedah tersebut akan mencerminkan dasar peruntukan lebih bijaksana untuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.

Peruntukan hutang lapuk dan ragu dibuat untuk risiko khusus dan berkaitan dengan pinjaman atau penghutang yang telah disemak secara individu dan dikenal pasti secara khusus sebagai hutang lapuk atau hutang ragu.

Peruntukan am berasaskan peratusan jumlah pinjaman belum jelas juga dibuat untuk menampung kemungkinan berlakunya kerugian yang tidak dikenal pasti secara khusus.

Pinjaman yang tidak dapat dikutip atau sebahagian pinjaman yang dikelaskan sebagai lapuk dihapus kira selepas mengambil kira nilai boleh tunai cagaran, jika ada, jika pada pertimbangan pihak pergurusan, tiada prospek bayaran balik.

(g) Pinjaman daripada Cagamas

Pinjaman daripada Syarikat Cagamas Berhad diperolehi melalui perantaraan kewangan (Bank atau Institusi Kewangan) menggunakan kaedah penjualan dan pembelian balik portfolio pinjaman gadai janji. Kemudahan ini berdasarkan kepada bantuan pinjaman penuh. Perbadanan dihendaki membeli balik pinjaman yang tertunggak dan mengantikannya dengan menjual semula pinjaman yang berbayar. Pembelian balik dan penjualan semula keatas pinjaman gadai janji dibuat melalui kontrek perjanjian. Bayaran balik pinjaman dibuat mengikut tempoh dan kadar faedah yang ditetapkan dalam jadual bayaran balik pinjaman. Faedah ke atas pinjaman yang dibayar diambilkira dalam Penyata Pendapatan sebagai perbelanjaan faedah dalam tahun kewangan yang berkenaan.

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

4. DASAR - DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(h) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan faedah diiktiraf mengikut asas akruan. Pendapatan faedah pinjaman selain dari pinjaman sewa beli, diiktiraf mengikut kaedah bulanan sepanjang tempoh pinjaman. Pendapatan faedah dari pembiayaan sewa beli diiktiraf sekata selama tempoh pinjaman seperti termaktub dalam perjanjian pembiayaan. Pendapatan dari pembiayaan perbankan islam diiktiraf pada asas akruan menurut prinsip Shariah.

Apabila suatu akaun dikelaskan sebagai tidak berbayar, pengiktirafan pendapatan akan digantung sehingga ianya direalisasi pada asas tunai. Pendapatan dari pembiayaan yang direkod sebelum ianya menjadi tidak berbayar akan dipanggil semula 'claw back' selama tempoh daripada hari pertama ia menjadi tidak berbayar. Akaun pelanggan dianggap tidak berbayar jika pembayaran semula tertunggak selama tiga bulan atau lebih dari tarikh mula pembayaran pembiayaan tidak dilakukan.

Pendapatan dividen diiktiraf pada asas tunai.

Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan akruan menurut Perjanjian Sewa.

(i) Manfaat-Manfaat Kakitangan

Manfaat Kakitangan Jangka Pendek

Manfaat-manfaat jangka pendek seperti upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana khidmat diberikan oleh pekerja-pekerja Perbadanan. Ketidakhadiran terimbuh terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka bagi ketidakhadiran terimbuh masa hadapan dan ketidakhadiran terimbuh tak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit adalah diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran itu.

Rancangan Caruman Tetap

Seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang, Perbadanan membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan caruman-caruman tersebut dikira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila ianya dibuat.

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

4. DASAR - DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(j) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan atas lebihan atau kerugian tahun semasa merangkumi cukai semasa dan tertunda, dan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan perlu dibayar di atas lebihan kena cukai untuk tahun semasa dan dikira berdasarkan kadar cukai yang telah diwartakan atau diwartakan dengan tetap pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, di atas perbezaan sementara di antara asas cukai aset dan liabiliti dengan jumlah dibawanya di dalam penyata pendapatan. Pada dasarnya liabiliti cukai tertunda diiktiraf semua perbezaan sementara kena cukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang tidak dikenakan cukai, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna pada takat kemungkinan wujudnya lebihan kena cukai, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda dikira mengikut kadar cukai yang dijangkakan akan diguna pada masa aset ini dijual atau liabiliti ini diselesaikan, berdasarkan kepada kadar cukai yang telah diwartakan atau diwartakan dengan tetap pada tarikh lembaran imbangan.

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| 2013 | Kerja dalam proses | Tanah milik pajak | Bangunan | Perabot dan peralatan pejabat | Kenderaan bermotor | Peralatan komputer | Aset Bernilai Rendah | Jumlah |
|------------------------------|--------------------|-------------------|------------|-------------------------------|--------------------|--------------------|----------------------|------------|
| Kos | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Pada 1 Januari | 5,459,624 | 11,246,400 | 30,537,075 | 3,860,226 | 2,990,928 | 13,115,653 | 16,880 | 67,226,786 |
| Pindaan | (32,189) | - | 32,189 | - | - | - | - | - |
| Tambahan | 1,312,363 | | 202,324 | 169,875 | 257,750 | 1,022,970 | 3,303 | 2,968,585 |
| Penjualan/Dihapus kira | - | | (13,470) | (70,917) | (264,782) | (132,169) | - | (481,338) |
| Pada 31 Disember 2013 | 6,739,798 | 11,246,400 | 30,758,118 | 3,959,184 | 2,983,896 | 14,006,454 | 20,183 | 69,714,033 |
| Susut nilai terkumpul | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari | - | 1,194,164 | 7,264,854 | 3,075,558 | 1,541,130 | 8,783,520 | 16,880 | 21,876,106 |
| Caj bagi tahun berkenaan | - | 151,656 | 1,129,096 | 349,752 | 514,315 | 2,340,761 | 3,303 | 4,488,883 |
| Penjualan | - | - | (13,468) | (69,180) | (264,778) | (132,137) | - | (479,563) |
| Pada 31 Disember 2013 | - | 1,345,820 | 8,380,482 | 3,356,130 | 1,790,667 | 10,992,144 | 20,183 | 25,885,426 |
| Nilai buku bersih | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2013 | 6,739,798 | 9,900,580 | 22,377,636 | 603,054 | 1,193,229 | 3,014,310 | - | 43,828,607 |
| Pada 31 Disember 2012 | 5,453,624 | 10,052,236 | 23,272,221 | 784,668 | 1,449,798 | 4,222,133 | - | 45,234,680 |
| Susut nilai bagi tahun 2012 | - | 113,600 | 588,253 | 372,840 | 428,840 | 2,197,558 | 11,893 | 3,712,984 |

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

| Nilai buku bersih tanah pegangan pajak terdiri dari: | 2013 RM | 2012 RM |
|--|--------------------------|--------------------------|
| Tanah pegangan pajak jangka panjang | 9,877,288 | 10,027,698 |
| Tanah pegangan pajak jangka pendek | 23,292 | 24,538 |
| PADA 31 DISEMBER | 9,900,580 | 10,052,236 |

Geran-geran tanah bagi tanah dan bangunan pegangan pajak berjumlah RM3,798,556 (2012: RM3,798,556) adalah dalam proses pendaftaran di bawah nama Perbadanan.

Semua aset telah dicagarkan kepada bank-bank untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada Perbadanan.

Pada 22 Oktober 2013 Unit Perancang Ekonomi Negeri telah memilih Perbadanan Pinjaman Sabah untuk menyelia mengubahsuai dua buah bangunan yang dimiliki oleh Perbadanan kepada satu Pusat Transformasi Bandar.

6. PELABURAN DALAM ENTITI KAWALAN BERSAMA

| | 2013 RM | 2012 RM |
|--|--------------------------|--------------------------|
| Saham tidak disebutharga, pada kos | 125,000 | 125,000 |
| Modal yang dilaburkan | 7,998,199 | 7,998,199 |
| Bahagian Perbadanan dalam entiti kawalan bersama | 3,656,522 | 2,068,917 |
| | 11,779,721 | 10,192,116 |

| Nama Syarikat | Faedah Berkesan | | Activiti Utama | Tempat Perbadanan |
|----------------------------|-----------------|-------------|---------------------------|-------------------|
| | 2013 | 2012 | | |
| Bayview Properties Sdn Bhd | 50% | 50% | Pembangunan dan Pembinaan | Malaysia |

Lembaran Imbangan bagi bahagian Perbadanan dalam entiti kawalan bersama adalah seperti berikut:

| | 2013 RM | 2012 RM |
|------------------------|--------------------------|--------------------------|
| Aset Tidak Semasa | 3,521,543 | 3,355,107 |
| Aset Semasa | 11,926,490 | 12,032,069 |
| Liabiliti Tidak Semasa | - | (202,661) |
| Liabiliti Semasa | (11,666,511) | (12,990,598) |
| ASET BERSIH | 3,781,522 | 2,193,917 |

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

6. PELABURAN DALAM ENTITI KAWALAN BERSAMA (SAMBUNGAN)

Penyata pendapatan bagi bahagian Perbadanan dalam entiti kawalan bersama adalah seperti berikut:

| | 2013 RM | 2012 RM |
|-----------------------------------|--------------------------|--------------------------|
| Hasil Perbelanjaan | 5,757,622 (3,802,930) | 3,875,838 (3,185,146) |
| KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI Cukai | 1,954,692 (181,771) | 690,692 - |
| LEBIHAN SELEPAS CUKAI | 1,772,921 | 690,692 |

7. PELBAGAI PENERIMAAN

| | 2013 RM | 2012 RM |
|--|--------------------------|--------------------------|
| Lain-lain penerimaan, deposit dan prabayar | 489,033 | 16,503,634 |
| Pusat Transformasi Bandar Sabah | 33,518 | - |
| Harta tanah dihalang tebus | 413,608 | 744,837 |
| PADA 31 DISEMBER | 936,159 | 17,248,471 |

Perbadanan telah dipilih oleh Kerajaan Negeri untuk mengurus Pusat Transformasi Bandar Sabah. Pusat ini telah memulakan pra-operasinya pada 16 Disember 2013, pelancaran akan diadakan pada 23 Januari 2014 diikuti dengan pembukaan rasmi yang akan diadakan pada bulan Februari 2014.

Perbelanjaan untuk operasi Pusat Transformasi Bandar Sabah dianggap sebagai bayaran bagi pihak dan perbelanjaan akan dibayar balik oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia.

PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

8. PELABURAN

| | 2013 RM | 2012 RM |
|---|-------------------------|-------------------|
| PELABURAN SIAR HARGA DALAM MALAYSIA | | |
| Kos | 4,988,359 | 4,883,955 |
| TOLAK: PERUNTUKAN ROSOTNILAI DALAM PELABURAN SIAR HARGA | (1,165,842) | (1,275,966) |
| JUMLAH PELABURAN SIAR HARGA | <hr/> 3,822,517 | 3,607,989 |
| NILAI PASARAN SEKURITI | 3,822,517 | 3,607,989 |
| PELABURAN DALAM UNIT AMANAH | | |
| NILAI SEKURITI PELABURAN KONVENTIONAL | 1,057,091 | 14,479,605 |
| NILAI SEKURITI PELABURAN ISLAMIK | 69,095,524 | 9,336,142 |
| JUMLAH PELABURAN DALAM UNIT AMANAH | <hr/> 70,152,615 | 23,815,747 |
| JUMLAH KESELURUHAN PELABURAN | <hr/> 73,975,132 | 27,423,736 |

9. DEPOSIT

| | 2013 RM | 2012 RM |
|----------------------|-------------------------|------------------|
| <i>Deposit tetap</i> | | |
| Bank berlesen | <hr/> 19,086,114 | 2,355,518 |

10. PEMBIAYAAN, PENDAHULUAN DAN LAIN – LAIN PINJAMAN

| | 2013 RM | 2012 RM |
|---|----------------------------|----------------------|
| Pinjaman perumahan dan projek | 2,063,450,475 | 1,594,486,509 |
| Pinjaman Sewa Beli | 2,878,590 | 4,485,624 |
| Lain-lain pinjaman | 14,366,942 | 24,646,990 |
| Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain pinjaman kasar | <hr/> 2,080,696,007 | 1,623,619,123 |
| Faerah pendapatan tergantung | (14,220,296) | (20,112,110) |
| Peruntukan hutang lapuk dan ragu bagi pembiayaan | | |
